

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 1 (A52)**

Minta dinyatakan apakah tindakan, laporan penguatkuasaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani kenaikan harga barang.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 2 (A75)**

Adakah pihak kerajaan negeri merancang untuk menaiktaraf kemudahan awam seperti tandas awam, gerai jualan dan pelbagai kemudahan awam bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri Johor khususnya ke Taman Negara Tanjung Piai dan Pulau Kukup.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 3 (A187)**

Apakah status vaksinasi PICK dan vaksinasi kanak-kanak PICKID negeri Johor dan kadar kegunaan katil bagi kes COVID-19?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 4 (A14)**

Saya meminta pihak PBT memantau projek di bawah seliaannya supaya projek yang dibina untuk kemudahan rakyat akhirnya memudahkan rakyat seperti parit yang tidak berfungsi dengan baik setelah siap dibina atau lain-lain projek yang dibina untuk rakyat seperti jalan.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 5 (A18)**

Adakah kerajaan boleh menimbangkan untuk menaikkan jumlah bantuan kepada penerima bantuan bulanan MAINJ kerana pada ketika ini jumlah yang diberikan amat sedikit memandangkan harga dan kos harian kian meningkat.

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN 6 (A153)

Apakah usaha dan langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan sektor pertanian bagi menampung sumber bekalan makanan dalam menghadapi kemungkinan sekiranya berlaku krisis makanan pada masa akan datang?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 7 (A149)

Apakah persediaan Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi terutama bagi menghadapi kemungkinan berlakunya krisis makanan dan adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mewujudkan Program 1 Daerah 1 Industri (Pertanian) bagi memastikan Jaminan Makanan (Food Security) sentiasa tercapai?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 8 (A87)

Apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Gedung Makanan Johor sebagai persediaan bagi menghadapi krisis makanan pada masa akan datang terutama melibatkan makanan asas seperti beras, tepung, gula dan minyak termasuk ayam dan makanan protein yang lain?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 9 (A174)

Nyatakan perancangan Yayasan Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam membantu usahawan wanita serta ibu tunggal untuk menyara kehidupan mereka?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 10 (A138)

Nyatakan status pembinaan, proses penyerahan rumah dan jangkaan tempoh bagi projek Taman Sri Molek Perdana.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 16 (A169)

Apakah status pembinaan benteng untuk rancangan tebatan banjir di Sungai Batu Pahat yang telah bermula dari pintu air Kg. Parit Lapis? Bilakah pembinaan benteng tersebut akan disambung semula dan jangka waktu siap?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 12 (A128)

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri Johor untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja yang berada pada tahap kritikal terutamanya dalam industri sayuran dan tanaman yang kini mengalami kenaikan harga secara mendadak?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 13 (A164)

Apakah status pelaksanaan pemutihan kilang-kilang di setiap PBT, adakah ia ditangguhkan atau tetap dilaksanakan memandangkan kita baru saja melalui fasa pandemik dan apakah langkah kerajaan di dalam membantu pengilang-pengilang ini agar mereka terus menyumbang kepada kerancakan ekonomi di negeri Johor?

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 14 (A121)

Berapakah jumlah warga yang didaftarkan dalam senarai E-Kasih dalam Negeri Johor serta pecahannya mengikut kaum dan daerah?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 15 (A95)

Adakah kadar cukai pintu setiap PBT di Johor akan dilaraskan dalam masa terdekat ini?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 16 (A76)

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan bebas cukai di kawasan Terminal Feri Antarabangsa Kukup bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 17 (A161)

Mengapakah permis perniagaan di kawasan Masjid tidak dibenarkan beroperasi sedangkan permis tersebut menjadi sumber ekonomi dan pendapatan rakyat kepada masjid dan masyarakat setempat. Apakah perancangan untuk manfaat permis tersebut?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A118)

Minta dinyatakan adakah program pemberian komputer riba kepada murid dan pelajar sekolah akan dihentikan atau kekal diteruskan memandangkan mereka sudah kembali ke sekolah seperti sebelum pandemik?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 19 (A132)

Sila nyatakan apakah rancangan mitigasi banjir kilat daripada kerajaan negeri?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 20 (A173)

Apakah tindakan segera dalam menangani isu bekalan air terputus yang sering terjadi dalam kawasan FELDA Redong dan FELDA Kemelah?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 21 (A181)

Mohon pihak kerajaan negeri menyegerakan proses penyerahan hak milik tanah di kawasan Wak Hamyah, Kampung Rahmat, Mukim Minyak Beku Senggarang memandangkan isu tanah ini lebih 20 tahun tidak selesai.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 22 (A99)

Tanah hak milik persendirian seluas 85 ekar, setinggi 300 meter di Gunung Lambak telah diterokai dan dikhuatiri merosakkan ekosistem Gunung Lambak. Apakah kronologi pemilikan tanah, saiz dan syarat tanah tersebut, sejak geran pertama di tahun 1940an.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 23 (A23)

Apakah status terkini dan langkah kerajaan negeri bagi mempercepatkan proses pengeluaran hak milik strata bagi 264 unit rumah di Riverria Condovilla di atas PN 64252 PTD 158952, Mukim Pulai Daerah Johor Bahru.

YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 24 (A80)

Kerja-kerja naiktaraf Jalan J4 Gelang Patah telah menyebabkan banjir kilat di Kampung Baru Muafakat dan Taman Syed Idrus apabila hujan lebat. akibat kerja-kerja yang terbengkalai sekian lama. Apakah maklumat terkini status projek tersebut dan bilakah ianya boleh disiapkan?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 25 (A59)

Di Sungai Semalok, Jalan Mawai, (FT 099 – Sek-4.30) dan di Jalan Perani (J179 – Sec 7.0) mohon menaik taraf jambatan dan jalan dikawasan tersebut serta menaik taraf sistem perparitan yang tidak dapat menampung kapasiti air semasa hujan.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 26 (A166)

Apakah rancangan kerajaan di dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Batu Pahat, khususnya di Jalan Tanjung Labuh, Jalan Bukit Pasir dan Jalan Kluang?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 27 (A44)**

Adakah Projek Pintasan Senai-Kulai (Senai-Kulai bypass) termasuk dalam senarai perancangan pelaksanaan di bawah RMK12 Rolling Plan Ke-3 dan jika tidak, apakah rancangan alternatif untuk membantu menyelesaikan masalah kesesakan trafik jalan sedia ada iaitu Jalan FT001 Senai ke Kulai?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH
TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

----- (Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Ahad, 26 Jun 2022, jam 9.30 pagi.